



MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN

NOTIS IKLAN TENDER


1. Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan **UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ)** dalam **KELAS** dan **JENIS PENDAFTARAN** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah dan terkini untuk membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut:-

NO. RUJ. TENDER	TAJUK TENDER	PENDAFTARAN KELAS, KEPALA & SUB-KEPALA	YURAN DOKUMEN (RM)	DEPOSIT TENDER DOKUMEN	JENIS TAWARAN	TARIKH LAWATAN TAPAK & TAKLIMAT TENDER	TARIKH TUTUP DAN MASA PENYERAHAN DOKUMEN TENDER
MBKS/BLD(T) - No. 4/2026	PROPOSED CONSTRUCTION & COMPLETION OF NAN QIAO JI GONG MEMORIAL AT MBKS PALMARIUM	UPKJ, Kelas E, Kepala I, Sub-Kepala 1	125.00	150.00	Terbuka	8 April 2026, 10.30 pagi  Taklimat Tender dan Lawatan Tapak adalah wajib	20 April 2026, 12.00 tengahari

2. Satu Taklimat Tender (**WAJIB**) akan diadakan pada **8 April 2026, jam 10.30 pagi** bagi kerja di atas bertempat di **MBKS Palmarium (Tempat Berkumpul di MBKS Ausome Park)**. Pemilik atau wakil syarikat yang hadir ke Taklimat Tender hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ) DENGAN SATU SALINAN SIJIL UPKJ YANG TELAH DISAHKAN OLEH COMPANY SECRETARY ATAU COMMISSION FOR OATHS**. Hanya wakil yang membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA** daripada Pemilik Syarikat dibenarkan menghadiri Taklimat Tender dan Lawatan Tapak.
3. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada pemilik atau wakil syarikat yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik/Rakan Kongsi/Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakil syarikat hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ)** dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan) **BERSERTA DENGAN SATU SALINAN SIJIL UPKJ YANG TELAH DISAHKAN** sebelum dokumen tender dijual kepada kontraktor yang **BERMINAT DAN LAYAK**. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada Kontraktor-Kontraktor yang **TELAH MENGHADIRI TAKLIMAT TENDER DAN LAWATAN TAPAK**.
4. Bayaran Yuran Dokumen Tender dan Deposit Tender Dokumen hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Tunai, Draft Bank** yang dibayar atas nama **MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN** atau melalui kad kredit, kad debit atau SPay Global.
5. Pemilik atau wakil syarikat yang berminat boleh menyemak Dokumen Tender boleh disemak mulai **8 April 2026, jam 2:30 petang hingga 20 April 2026 12:00 tengahari** bertempat di **Tingkat 1, Bahagian Bangunan, Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Jalan Padungan, 93675 Kuching**.
6. **Pemilik atau wakil syarikat boleh memperolehi** Dokumen Tender mulai **8 April 2026 hingga 20 April 2026, jam 12.00 tengahari** di alamat **Tingkat 1, Bahagian Bangunan, Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Jalan Padungan, 93675 Kuching**.
7. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran di **ONE STOP COUNTER, LOBI MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN** dengan menggunakan **SAMPUL BERLAKRI** serta mempunyai catatan **NOMBOR** dan **TAJUK TENDER**. Dokumen Tender hendaklah diserahkan selewat-lewatnya pada **20 April 2026, jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah.

PEMANGKU SETIAUSAHA BANDARAYA,  
MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN,  
JALAN PADUNGAN,  
93675 KUCHING,  
SARAWAK, MALAYSIA

8. Dokumen tender yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
9. **Majlis Bandaraya Kuching Selatan** tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

  
PEMANGKU SETIAUSAHA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN